

20/06/1998

Dr Mahathir tetap sokong Anwar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau akan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim jika ada pertandingan untuk jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti tahun depan.

"Kita merasakan jika ada calon mahu bertanding, mereka boleh berbuat demikian. Tetapi bagi saya, jika ada yang hendak menentang timbalan saya, saya akan menyokong penyandang jawatan sekarang," katanya pada sidang akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno, di sini hari ini.

Selain Anwar, turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Presiden Umno diminta oleh seorang wartawan media asing mengenai pendirian beliau jika ada orang yang akan menentang timbalannya dalam pemilihan tahun depan.

Anwar pula, ketika ditanya sama ada beliau akan mempertahankan Dr Mahathir jika ada yang berhasrat mencabar kerusi presiden berkata, beliau sudah menyatakan perkara itu dengan jelas ketika merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, semalam.

Dalam ucapannya semalam, Anwar berkata Umno perlu bersatu dalam satu barisan yang padu bersama pimpinan diterajui Dr Mahathir untuk menghadapi suasana getir berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, kepentingan peribadi perlu diketepikan dan sikap berkelompok atau berpuak harus dielakkan. Umno perlu mengambil iktibar dari kerena akibat sikap berpuak-puak.

Menjawab soalan wartawan media asing, Anwar menafikan pernah menyatakan hasrat mencabar Dr Mahathir.

"Saya tidak pernah membuat rujukan pada bila-bila masa mengenai kemungkinan hendak menentang Presiden. Ia hanya tafsiran sesetengah pihak termasuk anda, media asing.

"Apa yang saya katakan di Johor ialah sementara mengakui peranan pedagang mata wang dan kelemahan sistem kewangan, kita perlu membuat pengubahsuaian diri sendiri. Itu sudah kita lakukan dalam tempoh beberapa bulan lalu.

"Ini termasuk melaksanakan program baru atau melakukan perubahan dalam dasar termasuk penubuhan AMC (Pengurusan Danaharta Nasional Berhad) dan meningkatkan kecekapan pengurusan korporat serta ada kerangka kerja yang efektif. Proses ini berterusan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan lain, Dr Mahathir menjelaskan kerajaan tidak boleh bertindak melulu terhadap bekas peneraju syarikat Perwaja, Tan Sri Eric Chia, kerana belum ada bukti yang mencukupi untuk melakukan pendakwaan terhadapnya.

"Kita ikut undang-undang. Undang-undang memerlukan bukti yang cukup. Bila ada bukti yang cukup kita akan ambil tindakan. Kita bukan sebuah negara di mana tindakan diambil berasaskan sangkaan dan tanpa bukti. Ada bukti, kita ambil tindakan.

"Kita akan buktikan walaupun orang itu terdiri daripada kroni kita, kita (tetap) ambil tindakan. Sepanjang sejarah Umno daripada zaman Tunku lagi, jika seseorang menteri umpamanya didapati bersalah maka dia diambil tindakan.

"Sudah berapa Menteri Besar diambil tindakan. Jadi kita ikut undang-undang. Proses undang-undang sudah ditetapkan dan ikut proses itu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak boleh mengambil tindakan semata-mata

kerana ada perasaan benci, marah dan sangkaan terhadap seseorang.

Semalam, wakil pemuda Umno Perak, Hamdan Tahar, mendesak Eric Chia dikenakan undang-undang kerana dianggap bertanggungjawab dalam kerugian berbilion ringgit syarikat besi waja itu.

Mengulas kenyataan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, bahawa kedudukan Mirzan sebagai bendahari pergerakan itu bertujuan membina jambatan antara Pemuda dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir Ketua Pemuda bermaksud demikian. Tak perlu guna anak saya. Dia (Zahid) ahli Majlis Tertinggi (MT).

"Jangan pula orang lain sangka ini satu lagi jenis nepotisme untuk menggunakan anak saya bagi mempengaruhi saya. Sebenarnya, dalam MT, saya boleh dirujuk. Kita bercakap secara bebas," katanya.

Mengenai gerakan menentang kepemimpinan di negara ini, Dr Mahathir berkata fenomena itu adalah universal. Ia dilakukan di seluruh dunia dengan melakukan serangan terhadap ekonomi dan menyalahkan kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab.

"Dengan itu, tumpuan tidak diberi kepada kerajaan tetapi terhadap kerajaan sebagai yang bersalah terhadap kegawatan ekonomi itu," katanya.

(END)